

**MEREKABENTUK DAN MELAKSANAKAN  
SISTEM KAWALAN PARAS AIR**

**MOHD FAZLI BIN MANAF**

**MEI 2008**

“Saya mengakui bahawa saya telah membaca karya ini pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi, dan Automasi)”

Tandatangan : .....

Nama Penyelia : Puan Azrita Binti Alias

Tarikh : Mei 2008

MEREKABENTUK DAN MELAKSANAKAN  
SISTEM KAWALAN PARAS AIR

MOHD FAZLI BIN MANAF

Laporan Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan,  
Instrumentasi, dan Automasi)

Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Mei 2008

“Saya akui laporan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ringkasan dan petikan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : .....

Nama : Mohd Fazli Bin Manaf

Tarikh : Mei 2008

*Untuk ibu tersayang, Siti Rohani Binti Othman.*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dariNya jua dapat saya menyiapkan Projek Sarjana Muda 2 (PSM 2) dan juga laporan akhir ini tanpa sebarang masalah yang besar. Segala masalah yang timbul dapat diatasi dengan baik.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga yang tersayang kerana memberikan sokongan dan semangat semenjak saya menjejakkan kaki ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Jutaan terima kasih juga kepada penyelia projek sarjana muda, Puan Azrita Binti Alias kerana memberi kepercayaan kepada saya dalam mengendalikan projek ini serta membantu saya dalam menyelesaikan segala masalah berbangkit termasuk memberi nasihat dan idea yang seterusnya dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran saya dalam bidang instrumentasi dan automasi.

Tidak lupa juga kepada semua sahabat yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung. Akhirnya, kepada semua individu yang terlibat dalam menyiapkan Projek Sarjana Muda 2 ini yang mana tidak disebutkan nama. Tanpa anda semua, projek dan laporan ini mungkin tidak dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih.

## ABSTRAK

Projek ini adalah mengenai merekabentuk dan perlaksanaan sistem kawalan paras air menggunakan antaramuka komputer dan Pengawal Logik Aturcara (*Programmable Logic Controller-PLC*) . Ia merangkumi gabungan pengaturcaraan dan perkakasan. Pengaturcaraan perisian adalah melibatkan penggunaan pengantaramuka grafik pengguna (GUI) menggunakan perisian Visual Basic 6.0. Untuk perkakasan pula, ia melibatkan beberapa komponen seperti pengesan paras air aplikasi pembilang, tangki, sistem paip, injap 2-hala, dan pam. Sistem ini membolehkan pengguna mengawal keseluruhan operasi menggunakan komputer dan juga menunjukkan bagaimana pengesan paras aplikasi boleh digunakan untuk mengesan paras air.

## **ABSTRACT**

This project is about to design and implimention of water level control system by interfacing between software and hardware via Programmable Logic Controller (PLC). It consists of software and hardware. The developement of graphical user interface (GUI) will be implement by using Visual Basic 6.0. The hardware consists of counter level sensor, tanks, piping system, 2-way valve and pump. The whole system can be control by computer and showed that the counter level sensor can be use as level detector.



## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
	<b>SENARAI RAJAH</b>	x
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>I</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Gambaran Keseluruhan Projek	2
	1.3 Objektif Projek	2
	1.4 Skop Projek	3
	1.5 Pernyataan Masalah	3
<b>II</b>	<b>KAJIAN ILMIAH</b>	
	2.1 Kajian Ilmiah	
	2.1.1 Kajian 1	5
	2.1.2 Kajian 2	10
	2.1.3 Kajian 3	13
	2.1.4 Kajian 4	19

<b>III</b>	<b>TEORI</b>	
3.1	Pengesan Paras Aplikasi Pembilang	25
3.2	Pengawal Logik Aturcara ( <i>PLC</i> )	33
3.3	Injap 2-hala	36
3.4	Pam	37
3.5	Komunikasi Antaramuka	40
<b>IV</b>	<b>KAEDAH PERLAKSANAAN PROJEK</b>	
4.1	Perjalanan Keseluruhan Projek	42
4.2	Perlaksanaan Projek	46
<b>V</b>	<b>KEPUTUSAN</b>	
5.1	Perlaksanaan Perkakasan	51
5.2	Perlaksanaan Perisian	54
5.3	Perjalanan Keseluruhan Sistem	66
5.4	Laporan Kewangan	68
<b>VI</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	
6.1	Perbincangan	70
6.2	Penemuan Masalah	70
6.3	Cadangan untuk Penambahbaikan	72
<b>VII</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
7.1	Kesimpulan	73
	<b>RUJUKAN</b>	74
	<b>LAMPIRAN</b>	75

**SENARAI JADUAL**

<b>NO</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
2.1	Kepelbagaian penggunaan pengesanan dalam industri	10
5.1	Masukan untuk PLC	55
5.2	Masukan untuk PLC	56
5.3	Geganti dalaman	55
5.4	Pembilang	56
5.5	Kod “Modules” pengkalan selari	61
5.6	Aturcara kata laluan	62
5.7	Aturcara keseluruhan sistem	64
5.8	Perjalanan sistem kawalan paras air	67
5.9	Pernyataan kewangan bagi elektrik dan komponen elektronik	68
5.10	Pernyataan kewangan bagi komponen mekanikal	69
5.11	Pernyataan kewangan keseluruhan	69

## SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	HALAMAN
2.1	Struktur Sistem	6
2.2	Prinsip kerja piezoelectric	6
2.3	Litar pemancar	7
2.4	Litar penerima	7
2.5	Struktur kad pengumpul data	8
2.6	Paparan untuk Grafik Pengguna	8
2.7	Kedudukan Pengesan pada tangki	9
2.8	Bekas pemampat yang dibuka	9
2.9	Paparan sebenar graf paras cecair dalam tangki setinggi 150meter	11
2.10	Keadaan tangki dalam proses pembersihan	11
2.11	Kedudukan sebenar pengesan ultrasonik	12
2.12	Contoh pengesan ultrasonik yang digunakan dalam industri	12
2.13	Struktur perkakasan untuk makmal maya	14
2.14	Proses hubungan imej terjana komputer (CGI)	15
2.15	Interaksi antara pelanggan dan pelayan	15
2.16	Struktur perisian untuk makmal maya	16
2.17	Model tangki berkembar	17
2.18	Blok diagram penggunaan pengawal PID	18
2.19	Paparan grafik pengguna untuk kawalan PID	18
2.20	Konfigurasi rangkaian sistem PLC	19
2.21	Konfigurasi kad komunikasi 1	20
2.22	Konfigurasi kad komunikasi 2	21
2.23	Konfigurasi kad komunikasi 3	21
2.24	Paparan rajah proses	22
2.24	Paparan Penggera	23
3.1	Teori apungan	27

3.2	Pembilang untuk paras naik	28
3.2	Pembilang untuk paras turun	28
3.4	Suis pemilih pada panel kawalan	28
3.5	Binaan pengesan paras	30
3.6	Kedudukan penanda aras dan suis <i>proximity</i>	30
3.7	Kedudukan Penunjuk Arah yang terletak pada penutup tangki 1	31
3.8	Suis <i>proximity</i>	31
3.9	Penyambungan suis <i>proximity</i> dan PLC [10]	32
3.10	Bahagian dalam PLC [12]	34
3.11	Bahagian struktur PLC [12]	34
3.12	Modul Masukan	35
3.13	Modul Keluaran	35
3.14	Diaphram	36
3.15	Prinsip kerja Injap kawalan [5]	37
3.16	Prinsip kerja pam	38
3.17	Pam yang dijana oleh motor	38
3.18	Contoh sambungan motor	39
3.19	Pengkalan selari	40
3.20	Pin pengkalan selari	40
3.21	Litar luaran dari pengkalan selari	41
4.1	Carta Alir (perjalanan keseluruhan projek)	43
4.2	Carta alir proses program PLC	44
4.3	Carta alir proses program Visual Basic 6.0	45
4.4	Tapak ( <i>base</i> )	47
4.5	Tangki takungan	47
4.6	Penahan untuk tangki 1	48
4.7	Paparan CX-Programmer	49
4.8	Memastikan jenis PLC yang digunakan	49
4.9	Paparan Visual Basic 6.0	50
5.1	Pandangan hadapan	52
5.2	Pandangan sisi	52
5.3	Pengawal kelajuan aliran air	53
5.4	Kedudukan pam bermotor	53
5.5	Kedudukan injap 2-hala	53

5.6	Panel kawalan	54
5.7	Rajah tangga PLC	57
5.8	Rajah tangga PLC (sambungan)	57
5.9	Proses mendapatkan alamat pengkalan selari	59
5.10	Litar luaran antaramuka	60
5.11	Litar antaramuka pengkalan selari	60
5.12	Paparan Visual Basic (Modules)	62
5.13	Paparan kata laluan	63
5.14	Paparan sekiranya kata laluan salah	65
5.15	Paparan utama sistem kawalan	66
5.16	Perjalanan keseluruhan sistem	66

**SENARAI SINGKATAN**

PLC	-	Programmable Logic Controller
GUI	-	Graphical User Interface
OHT	-	Over Head Tank
NUS	-	National University Of Singapore
PID	-	Proportional, Integral, and Derivative
CGI	-	Computer Generated Image
HTTP	-	Hypertext Transfer Protocol
TCP	-	Transmission Communication Protocol
RAD	-	Rapid Application Development
DAO	-	Data Access Object
HMI	-	Human Machine Interface
SCADA	-	Supervisory Control and Data Acquisition
DAQ	-	Data Acquisition Card

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Carta Gantt	75
B	Rajah Skematik Pendawaian	77
C	PLC OMRON Model CPM1A	79
D	Suis Proximity	83
E	Lakaran Solid Work 2005	86
F	ULN 2803	90



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

Dalam bab ini, maklumat am mengenai keseluruhan kajian Projek Sarjana Muda diterangkan serba sedikit. Perkara-perkara utama yang dinyatakan disini ialah:

1. Pengenalan
2. Gambaran Projek
3. Objektif Projek
4. Skop Projek
5. Pernyataan Masalah

#### **1.1 Pengenalan**

Penggunaan sistem automasi dalam industri adalah amat penting dalam meningkatkan pengeluaran, mutu, produktiviti serta mengurangkan kos. Sistem pengesan paras air yang digunakan dalam industri pada masa kini terdapat pelbagai jenis termasuk suis terapung, radar, ultrasonik, suis pengayuh dan sebagainya. Untuk sistem yang akan dibangunkan ini, anggaran belanja yang dikeluarkan juga amat dititikberatkan kerana perkakasan yang akan digunakan akan menjadi kayu pengukur kepada kejayaan projek ini. Dalam projek ini, pengesan paras air juga telah dicipta sebagai satu inovasi dalam bidang instrumentasi dan pengukuran.

## 1.2 Gambaran Keseluruhan Projek

Projek yang akan dilaksanakan ini adalah melibatkan pengaturcaraan dan perkakasan di mana perisian Visual Basic 6.0 akan diaplikasikan. Penggunaan Pengawal Logik Aturcara (PLC) adalah sebagai pengantaramuka antara perisian dan perkakasan. Sistem ini akan membolehkan pengguna atau individu mengawal keseluruhan proses melalui antaramuka grafik pengguna (GUI). Penggunaan pengesan paras yang telah dicipta dimana ia dinamakan sebagai "pengesan paras aplikasi pembilang" (*counter level sensor*) dapat menggantikan pengesan jenis lain yang ada dipasaran seperti suis terapung, suis kayuh, radar, ultrasonik dan sebagainya.

Penghasilan perkakasan seperti dirancang terdiri daripada pam, injap 2-hala, dua buah tangki, dan sistem paip. Aliran air masuk dan air keluar akan dikawal oleh pam dan injap yang terbahagi kepada dua iaitu kawalan masuk dan kawalan keluar. Kadar aliran pam juga dapat dikawal dengan menggunakan pengawal aliran yang dikawal secara manual.

## 1.3 Objektif Projek

Objektif atau maklumat yang perlu dicapai untuk projek ini terbahagi kepada tiga iaitu merekabentuk pengantaramuka grafik pengguna menggunakan perisian Visual Basic 6.0. Untuk menghasilkan perisian yang sesuai, kajian dan pembelajaran telah dibuat sepanjang tiga bulan pertama mengikut perancangan. Hasil daripada kajian yang dibuat, maka terhasil sistem antaramuka yang disambung menggunakan pengkalan selari (*parallel port*) di mana litar yang terlibat telah berjaya dihasilkan.

Objektif kedua adalah mengapikasi Pengawal Logik Aturcara (PLC) sebagai medium pengantara antara perisian dan perkakasan. Penggunaan peranti ini lebih mudah berbanding antaramuka lain yang sedia ada. Ini kerana sistem ini telah digunakan secara meluas dalam industri ataupun dalam bidang pendidikan. Untuk projek ini, PLC yang akan digunakan adalah dari keluarga Omron iaitu model CPM1A.

Maklumat ketiga yang perlu dicapai adalah menghasilkan perkakasan sistem kawalan paras air yang terdiri daripada tangki, sistem paip, pengesan paras aplikasi pembilang dan pam serta penggunaan injap.

#### **1.4 Skop Projek**

Dalam melaksanakan projek ini, perkara-perkara berikut akan dilakukan bagi memastikan objektif projek yang dinyatakan sebelum ini tercapai iaitu menghasilkan perisian (*software*) berdasarkan perisian Visual Basic 6.0 di mana akan dibina satu sistem berasaskan komputer (*PC-Based*).

Seterusnya adalah menghasilkan dan menggunakan pengesan paras berkos rendah iaitu pengesan paras aplikasi pembilang sebagai pengesan paras air. Untuk fungsi perhubungan pula, Pengawal Logik Aturcara (PLC) akan digunakan sebagai antaramuka antara perisian dan perkakasan.

#### **1.5 Pernyataan Masalah**

Sistem ini dibina kerana wujudnya kelemahan dan kekurangan dalam sistem yang sedia ada dalam meningkatkan kecekapan sistem automasi.

Kedudukan tangki simpanan air yang terletak tinggi atau dikenali sebagai *Overhead Tank (OHT)* menyukarkan operator untuk memantau operasi. Kebanyakan sistem yang digunakan dalam menentukan paras air adalah menggunakan pengesan dari jenis suis pelampung atau *float switch*. Suis jenis ini hanya dapat memaparkan paras rendah dan paras tinggi sahaja.

Jenis pengesan yang digunakan juga memakan kos yang tinggi seperti pengesan ultrasonik. Untuk mengatasi masalah tersebut, pengesan paras yang mampu bekerja seperti ultrasonik tetapi kos yang rendah perlu dihasilkan.

Sistem ini juga sebagai satu alternatif dalam memudahkan pengguna memahami sistem pengantaramuka grafik (GUI) di mana sistem dapat dikawal dari komputer. Sistem ini juga dapat membantu pengguna mengawal keseluruhan proses menggunakan injap (aliran masuk dan aliran keluar). Faktor yang paling penting adalah sistem ini adalah gabungan antara tiga bidang iaitu kawalan, instrumentasi dan automasi.

## **BAB 2**

### **KAJIAN ILMIAH**

#### **2.1 Kajian Ilmiah**

Bab ini menerangkan tentang projek-projek terdahulu yang telah dibuat. Sumber bagi kajian ini diambil daripada kertas kerja, buku serta internet. Oleh itu, pengalihan bahasa telah dibuat untuk laporan ini.

Terjemahan serta ringkasan telah dibuat daripada ayat dan perkataan asal kertas kerja, buku serta laman web tersebut.


##### **2.1.1 Kajian 1**

Projek ini telah dilakukan oleh Chen Lei, Dong Xinmin, Han dan JieYe Ping dari Institut Kejuruteraan Getaran, Universiti Zhengzhou, China.

###### **2.1.1.1 Pengenalan**

Pemampat yang digunakan dalam sistem pendingin udara dalam keretapi di Negara China adalah dari jenis bekas tertutup. Biasanya kerosakan yang berlaku adalah disebabkan oleh kegagalan mekanikal, elektrik dan lain-lain lagi. Tetapi, hasil daripada pemeriksaan, didapati bahawa kerosakan berpunca daripada cecair pendingin di dalam bekas yang telah menurun ke paras yang minimum.


Jadi adalah penting untuk memastikan cecair tersebut berada pada paras yang dikehendaki. Rajah 2.1 menunjukkan struktur keseluruhan sistem.



Rajah 2.1: Struktur Sistem

Seperti rajah 2.1, pembangunan sistem ini akan terdiri daripada pengesan, litar penghantar dan penerima, kad pengumpul data (DAQ) dan komputer. Denyut elektrik dengan voltan yang tinggi yang dihasilkan oleh litar pemancar ultrasonik penting dalam memangkinkan pancaran gelombang ultrasonik.

Getaran gelombang tersebut akan dikuatkan lagi oleh litar penerima dan dikumpul oleh kad pengumpul data. Dan seterusnya, data yang dikumpul akan dianalisa oleh perisian tertentu yang bersesuaian. Ultrasonik menggunakan prinsip pantul balik yang beroperasi berasaskan kesan *piezoelectric*, yang terdiri daripada kesan posotif dan sebaliknya. Rajah 2.2 menunjukkan prinsip kerja *piezoelectric*.




Rajah 2.2: Prinsip kerja piezoelectric


Jika voltan dibekalkan kepada elektrod, piezocrystal akan bergetar berdasarkan kepada kekutuban voltan.

### 2.1.1.2 Litar Pemancar dan Penerima

Untuk membolehkan isyarat diterima dan dihantar, beberapa litar seperti litar pemancar dan penerima dihasilkan. Isyarat yang dihantar oleh litar pemancar akan diterima oleh litar penerima dan seterusnya diproses. Rajah 2.3 menunjukkan litar pemancar yang menerima isyarat digital manakala rajah 2.4 menunjukkan litar penerima yang akan menyalurkan isyarat kepada kad pengumpul data.




Rajah 2.3: Litar pemancar




Rajah 2.4: Litar penerima

### 2.1.1.3 Penggunaan Kad Pengumpul Data

Kad pengumpul data (DAQ) berfungsi sebagai medium pengantara antara perkakasan dan perisian. Segala maklumat yang diterima akan diproses untuk ditukarkan kepada isyarat yang boleh difahami seperti graf. Rajah 2.5 menunjukkan gambarajah blok kad pengumpul data. Rajah 2.6 pula menunjukkan isyarat yang telah diterima yang ditunjukkan dalam bentuk graf. Manakala rajah 2.7 dan 2.8 menunjukkan gambaran fizikal tangki serta kedudukan pengesan pada tangki tersebut.




Rajah 2.5: Struktur kad pengumpul data



Rajah 2.6: Paparan untuk Grafik Pengguna





Rajah 2.7: Kedudukan Pengesan pada tangki



Rajah 2.8: Bekas pemampat yang dibuka


### 2.1.2 Kajian 2

Kajian Latihan Industri di Kilang Huntsman Tioxide (M) Sdn. Bhd. Kajian ini meliputi beberapa aktiviti yang dijalankan di kilang tersebut di mana terdapat aktiviti pemasangan, *calibration*, dan pemeriksaan paras cecair dalam tangki berkapasiti besar.

Dalam industri, terdapat beberapa jenis pengesan yang digunakan secara meluas seperti radar, suis terapung, suis pengayuh dan sebagainya. Walaubagaimanapun, pengesan yang digunakan adalah bersifat industri berat dimana dapat dinyatakan harga yang terlalu tinggi tetapi rendah penyelenggaraan. Jadual 2.1 menunjukkan perbandingan kepelbagaian pengesan yang digunakan dalam industri. Dalam keadaan yang sebenar dalam industri, peranan garaf juga memainkan peranan yang penting kerana melalui graf pemantauan dapat dibuat. Rajah 2.9 menunjukkan paparan graf daripada tangki cecair. Rajah 2.10 pula menunjukkan gambaran fizikal dalaman tangki tersebut. Manakala rajah 2.11 dan 2.12 menunjukkan kedudukan pengesan ultrasonik serta kedudukan pada tangki setinggi 150 meter.

**Jadual 2.1: Kepelbagaian penggunaan pengesan dalam industri**


	Cecair Mengalir	Pepejal Mengalir	Cecair Terhad	Pepejal Terhad
Radar	X	X		
<i>Electromechanical</i>	X	X		
Ultrasonik	X	X	X	X
<i>Capacitance</i>	X		X	X
Perbezaan Tekanan	X			
Suis Terapung			X	



Rajah 2.9: Paparan sebenar graf paras cecair dalam tangki setinggi 150meter



Rajah 2.10: Keadaan tangki dalam proses pembersihan



Rajah 2.11: Kedudukan sebenar pengesanan ultrasonik



Rajah 2.12: Contoh pengesanan ultrasonik yang digunakan dalam industri

Untuk sistem di atas, pengesanan yang digunakan adalah dari jenis radar yang mana mempunyai konsep kerja yang sama dengan pengesanan ultrasonik. Tangki tersebut berada dalam proses pemantauan kerana dalam jangka masa tertentu, semua sistem atau instrumen yang terlibat perlu diselenggara untuk memastikan tangki tersebut dapat berfungsi dengan baik dan memanjangkan jangka hayat.

Untuk kesimpulan, setiap sistem yang dibina perlu menjalani beberapa proses untuk mendapatkan hasil dan keputusan yang terbaik serta dapat memanjangkan jangka hayat instrumen yang terlibat.

### 2.1.3 Kajian 3

Pembangunan Makmal Berasaskan Jaringan Internet untuk Eksperimen Tangki Berkembar (*coupled tank*) oleh C.C Ko, Ben M. Chen, Jianping Chen, Yuan Zhuang, and Kay Chen Tan yang merupakan ahli IEEE.

#### 2.1.3.1 Abstrak dan Pengenalan

Pada masa kini, internet telah menyediakan persekitaran yang lebih pelbagai untuk membangunkan aplikasi pendidikan dan penyelidikan.

Sistem ini dibangunkan untuk memudahkan pelajar dan kakitangan dari Universiti Kebangsaan Singapura (NUS). Sistem makmal ini adalah satu bentuk modul pembelajaran untuk mengajar pelajar prinsip asas dan metodologi untuk menjalankan siri eksperimen terhadap tangki berkembar pada bila-bila masa tidak kira tempat melalui internet. Dengan keupayaan untuk melaksanakan strategi secara manual, beberapa pengawal digunakan seperti PID, *state-space*, dan *fuzzy logic* sebagai asas tapak untuk penyelidikan. Sidang video digunakan untuk menyediakan keluaran bunyi dan visual, di mana kamera diletakkan di tempat yang mudah digerakkan.

Konsep yang cuba diketengahkan bukanlah baru. Makmal yang boleh dikawal ini adalah sistem masa sebenar yang dilarikan secara terus menerusi internet, di mana amat sesuai digunakan oleh pelajar yang tidak berada dalam suasana makmal yang sebenar.


### 2.1.3.2 Struktur Makmal Maya

Struktur makmal maya terdiri daripada struktur perkakasan dan struktur perisian. Struktur perkakasan pula melibatkan penggunaan komputer, kamera serta pembesar suara.


#### A Struktur Perkakasan

Rajah 2.13 menunjukkan struktur perkakasan makmal maya. Seperti yang ditunjukkan, komputer pelanggan (*client PC*) dihubungkan terus melalui pelayan HTTP (disediakan melalui perisian LabView). Komputer akan berfungsi sebagai pengawal instrumen. Sistem ini dihubungkan terus kepada kad pengumpul data (DAQ).


Kamera dihubungkan ke komputer yang mana sedang menggunakan perisian *Microsoft NetMeeting* yang menyediakan paparan kepada pengguna jika berlaku perubahan terhadap tangki berkembar. Perakam suara juga disambungkan untuk merakamkan bunyi motor pam untuk dianalisis. Rakaman bunyi dan visual secara langsung akan dihantar terus kepada pelanggan menerusi sidang video. Rajah 2.14 pula menunjukkan proses hubungan imej terjana komputer (CGI). Manakala rajah 2.15 menunjukkan interaksi antara pelayan dan pelanggan yang dihubungkan oleh kabel komunikasi.



Rajah 2.13: Struktur perkakasan untuk makmal maya



Rajah 2.14: Proses hubungan imej terjana komputer (CGI)




Rajah 2.15: Interaksi antara pelanggan dan pelayan

Imej Dijana Komputer (CGI) dan Protokol Komunikasi Penghantaran (TCP) adalah dua kaedah dalam melaksanakan komunikasi pelayan pelanggan. Seperti dalam rajah di atas, program CGI akan aktif pada pelayan web menghantar dan menerima data dari pengguna laman web. Komuniasi dua hala ini boleh dibangunkan melalui Java.

## B Struktur Perisian

Seksyen ini akan menerangkan kawalan berasaskan web. Perisian yang digunakan adalah LabView yang menggunakan bahasa 'G'. Pada pelayan, terdapat empat program yang bertindak sebagai parameter kawalan. Rajah 2.16 menunjukkan gambarajah blok kaitan antara pelayan dan pelanggan.




Rajah 2.16: Struktur perisian untuk makmal maya




### 2.1.3.3 Memodelkan Perkakasan Tangki Berkembar

Perkakasan ini dibangunkan dan direka untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang prinsip kawalan proses. Ia terdiri daripada 2 tangki yang berada di atas tangki takungan. Setiap tangki dipasang dengan salur keluar membolehkan air mengalir keluar ke takungan. Pengesan yang digunakan adalah dari jenis *capacitance*. Voltage keluaran adalah dalam lingkungan 0 ke 10V. Rajah 2.17 menunjukkan gambaran keseluruhan model sistem tangki berkembar yang terdiri dari tiga buah tangki, dua buah pam serta pengesan.


Untuk mengawal serta mengekalkan paras akhir, pengawal PID digunakan. Ia ditunjukkan seperti dalam rajah 2.18. Manakala paparan untuk grafik pengguna untuk pengawal PID telah ditunjukkan seperti dalam rajah 2.19



Rajah 2.17 Model tangki berkembar



Rajah 2.18: Blok diagram penggunaan pengawal PID



Rajah 2.19: Paparan grafik pengguna untuk kawalan PID

## 2.1.4 Kajian 4


Aplikasi Pengawal Logik Aturcara (PLC) dan Antaramuka Manusia dan Mesin (HMI) dalam industri system kawalan oleh Zhang Xuegong, Jurutera Elektrik, Pusat Kejuruteraan dan Penyelidikan Industri Besi Beijing, China. Turut disertai oleh Dr. Q. M. Zhu, Penyelidik, Kejuruteraan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Universiti West England, Bristol. Projek ini bertarikh 15 Januari 2000.

### 2.1.4.1 Abstrak dan Pengenalan

Projek ini berasaskan kepada PLC dan HMI dari Siemens. Kebaikan projek ini adalah ia digunakan untuk mengawal peranti elektrik secara visual and mengawal keseluruhan proses melalui komputer.

### 2.1.4.2 Perkakasan yang terlibat

Projek ini menggunakan PLC yang dikeluarkan oleh SIEMENS dari model S7. Unit pemproses pusat (CPU) bagi PLC ini adalah 413-2DP. Konfigurasi untuk rangkaian sistem PLC telah ditunjukkan dalam rajah 2.20.



Rajah 2.20: Konfigurasi rangkaian sistem PLC

Tunjang kepada sistem ini adalah Stesen Utama iaitu SIMATIC 400 dan Stesen Kawalan iaitu ET200M. Pengantaraan di antara Stesen Utama dan Stesen Kawalan adalah Profibus-DP.

### 2.1.4.3 Perisian


Untuk bahagian ini, penggunaan perisian yang berkaitan akan diperkenalkan. Untuk tujuan tersebut, perisian Step 7 digunakan. Step 7 adalah perisian program untuk PLC dari jenis SIEMENS. Diingatkan di sini bahawa semasa perisian ini digunakan, sesetengah perisian anti virus tidak boleh digunakan.

### 2.1.4.4 Konfigurasi HMI


Projek ini menggunakan Pusat Kawalan Windows (WinCC) versi 4.01 sebagai perisian untuk HMI. Perkakasan lain yang turut digunakan adalah komputer yang biasa digunakan dalam industri iaitu Pentium II 350MHz. Sumber bekalan kuasa pula diambil dari 2kVA Bekalan Kuasa Tidak Terganggu (*Uninterruptable Power Supply-UPS*). Peranti lain yang berkaitan turut digunakan adalah pencetak warna dari jenis HP.

### 2.1.4.5 Pemeriksaan terhadap Kad Komunikasi


Kad komunikasi yang digunakan adalah jenis CP5412A2. Pengguna boleh memulakan program anatar muka dan konfigurasi kad CP5412A2 seperti dalam rajah 2.21, rajah 2.22, dan rajah 2.23 di bawah. Rajah tersebut menunjukkan langkah secara berperingkat untuk konfigurasi kad komunikasi.



Rajah 2.21: Konfigurasi kad komunikasi 1



Rajah 2.22: Konfigurasi kad komunikasi 2




Rajah 2.23: Konfigurasi kad komunikasi 3

### 2.1.4.6 Sistem Operasi HMI

Seperti kebiasaan sistem kawalan berkomputer dan PLC yang lain, sistem ini juga menggunakan penanda untuk membezakan antara satu sama lain. Nilai penanda yang maksimum bagi sistem ini adalah 1024. Sistem operasi HMI pula mempunyai lebih kurang 21 kumpulan skrin operasi. Sistem ini juga mempunyai keseluruhan paparan dan penggera kecemasan yang mana sangat mesra dan mudah untuk dikendalikan.

### 2.1.4.7 Paparan Skrin Proses Teknikal

Tujuan skrin adalah untuk memaparkan keseluruhan proses. Bila sesuatu peranti berfungsi, motor atau pam akan berkelip. Operasi tersebut ditunjukkan dalam rajah 2.24 seperti di bawah.



Rajah 2.24: Paparan rajah proses


### 2.1.4.8 Operasi Manual dalam HMI

Apabila operator memilih untuk melakukan operasi secara kawalan jauh atau *remote*, penunjuk kawalan akan bertukar hijau dan operator boleh memilih samada untuk mengawal pam secara manual atau automatic. Tetapi apabila operator memilih butang manual, pam akan dapat dikawal secara sendirian.

Jika operator ingin mengawal injap elektrik dalam HMI sistem, mereka oleh klik butang "OPEN" dan injap akan terbuka. Semasa operasi tersebut, simbol injap yang terpapar pada skrin akan berhenti berkelip dan bertukar hijau. Begitu juga apabila injap tersebut ditutup, paparan pada skrin akan bertukar merah sebagai tanda valve sudah tertutup.

### 2.1.4.9 Sistem Penggera

Operator boleh memilih untuk masuk ke paparan penggera dengan mengklik butang "Alarm" seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2.24.



Rajah 2.24: Paparan Penggera

## 2.2 Kesimpulan

Laporan di atas telah menerangkan serba-sedikit tentang penghasilan aplikasi antara muka antara PLC dan HMI atau lebih mudah dan dikenali dalam industri dengan nama SCADA ataupun *Supervisory Control and Data Acquisition*. Sistem ini telah memudahkan kilang-kilang menjalankan operasi dan menjimatkan kos operasi di mana bilangan tenaga manusia dapat dikurangkan.



## BAB 3

### TEORI

Dalam bahagian ini akan menerangkan tentang rumus-rumus yang digunakan serta teori beberapa peralatan serta peranti yang digunakan dalam projek ini.

- Pengesan Paras Aplikasi Pembilang (*Counter Level Sensor*)
- Pengawal Logik Aturcara (PLC)
- Injap 2-hala (*2-way valve*)
- Pam motor arus ulang alik
- Komunikasi antaramuka

#### 3.1 Pengesan Paras Aplikasi Pembilang (*Counter Level Sensor*)

Pengesan paras aplikasi pembilang (*Counter Level Sensor*) berfungsi berdasarkan aplikasi pembilang yang diprogramkan dalam PLC dan aplikasi penggunaan pelampung di mana ubahsuai dilakukan pada suis terapung sedia ada yang kurang praktikal. Struktur binaan pengesan ini terdiri daripada pelampung, suis *proximity*, dan palang penanda aras. Kos yang digunakan untuk menghasilkan pengesan ini juga rendah. Ia juga merupakan satu inovasi dalam bidang instrumentasi dan pengukuran.

### 3.1.1 Pelampung dan Teori Apungan (Buoyancy)

Pelampung biasanya digunakan dalam pengesan jenis suis terapung. Pengesan jenis ini disambungkan pada suis terhad (*limit switch*) dimana terdapat tiga tahap iaitu rendah, tinggi dan kecemasan. Untuk sistem yang dibangunkan ini, kerjasama pelampung digunakan untuk mengangkat penanda aras yang dipasang pada tangki.

Antara prinsip atau hukum fizik yang terlibat adalah teori apungan yang diperkenalkan oleh Archimedes. Teori apungan menyatakan bahawa daya tolakan terhadap sesuatu objek akan dihasilkan daripada tenaga oleh cecair atau gas dari persekitaran sama ada tercelup separuh atau penuh yang disebabkan oleh perbezaan tekanan antara atas dan bawah objek tersebut [7]. Teori ini telah membantu kenderaan masa kini seperti bot, kapal, perahu, belon, termasuk kapal terbang. Teori tersebut telah ditunjukkan dalam bentuk gambarajah seperti rajah 3.1.


Antara teori-teori yang terlibat adalah:

Pengiraan tekanan di mana tekanan akan bertambah jika kedalaman bertambah.

$$P = \rho hg \tag{3.1}$$

Di mana:


- $\rho$  : kepadatan sesuatu cecair,
- $h$  : kedalaman cecair (juga dikira sebagai ketinggian negatif),
- $g$  : nilai gravity standard ( $\approx -9.8$  N/kg di bumi)




Rajah 3.1: Teori apungan

### 3.1.2 Pembilang (*Counter*)

Penghasilan pengesan jenis ini adalah merupakan salah satu aplikasi penggunaan program PLC di mana pembilang atau *counter* digunakan. Alamat yang digunakan dalam program PLC bagi pembilang adalah CNT 020 dimana untuk model OMRON CPM1A yang digunakan ini, had alamat bagi pembilang adalah antara CNT000 hingga CNT127. Tetapi untuk projek ini, hanya dua pembilang digunakan iaitu satu untuk paras naik dan satu untuk paras turun. Rajah 3.2 menunjukkan rajah tangga aturcara PLC yang menggunakan pembilang naik manakala rajah 3.3 menunjukkan pembilang paras turun.




Rajah 3.2: Pembilang untuk paras naik



Rajah 3.3: Pembilang untuk paras turun.

Untuk membezakan antara paras naik dan paras turun, kaedah yang digunakan adalah penggunaa suis pemilih atau *selector switch*. Suis ini terbahagi kepada dua iaitu untuk operasi pam dan operasi injap. Rajah 3.4 menunjukkan kedudukan suis pemilih pada panel kawalan



Rajah 3.4: Suis pemilih pada panel kawalan

### 3.1.3 Penanda Aras


Antara elemen penting yang terlibat dalam penghasilan pengesan paras aplikasi pembilang adalah penanda aras. Elemen ini diperbuat daripada aluminium berbentuk “L”.

Tujuan utama penggunaan aluminium adalah kerana ia kalis karat. Semasa proses operasi dan dalam keadaan tunggu sedia, penanda aras akan berada dalam air dan menyebabkannya terdedah kepada karat. Jadi, penyelesaian terbaik adalah dengan menggunakan bahan tidak berkarat tetapi dalam jangka masa yang sama dapat dikesan oleh pengesan atau *sensor* yang digunakan.


Untuk tujuan penyukatan paras yang dikehendaki, jarak antara senggat adalah lima milimeter (5 mm). Tetapi jarak ini masih boleh diubah mengikut kehendak pengguna.


Kebiasaannya, pengguna industri inginkan pengesan yang dapat memberikan bacaan yang tepat pada setiap senggat. Dengan penggunaan pengesan jenis ini, dapat diyakinkan bahawa nilai yang dikehendaki dapat diperolehi dengan jayanya kerana pembilang memberikan bacaan yang tepat bergantung kepada kehendak pengguna.

Untuk memastikan penanda aras sentiasa bergerak mengikut landasan yang betul tanpa tersasar, penunjuk arah yang diperbuat dari bahan yang sama dengan tangki digunakan. Penggunaan penunjuk aras ini juga membantu suis *proximity* mengesan penanda aras dengan cekap dan baik. Rajah 3.5 menunjukkan binaan penanda aras serta jarak antara senggat. Rajah 3.6 pula menunjukkan kedudukan suis *proximity* pada penutup tangki 1 manakala rajah 3.7 menunjukkan binaan penunjuk arah yang juga diletakkan pada penutup tangki.



Rajah 3.5: Binaan pegasan paras

Rajah 3.6: Kedudukan penanda aras dan suis *proximity*




Rajah 3.7: Kedudukan Penunjuk Arah yang terletak pada penutup tangki 1

### 3.1.4 Suis *Proximity*

Peranti yang menerima isyarat daripada penanda aras dan seterusnya menghantar kepada pembilang dalam PLC adalah suis *proximity*. Suis ini adalah dari Model OMRON E2E-CR8C1 yang mana dapat mengesan objek yang diperbuat daripada besi, aluminium dan lain-lain lagi yang berkaitan. Rajah 3.8 menunjukkan keadaan fizikal suis *proximity*.



Rajah 3.8: Suis *proximity*



Rajah 3.9 : Penyambungan suis *proximity* dan PLC [10]

Penyambungan yang betul juga memainkan peranan yang penting. Rajah 3.9 menunjukkan cara penyambungan suis *proximity* terhadap PLC.

Suis *proximity* digunakan untuk mengesan objek metalik atau objek berunsur besi. Oleh sebab itu, penanda aras yang digunakan adalah dari jenis aluminium. Ia berfungsi berasaskan kepada teori elektromagnetik .

Antara ciri-ciri suis *proximity*:

- Ideal untuk aplikasi yang pelbagai
- Mempunyai penghubung (*connector*)
- Mempunyai lampu indikasi.



### 3.2 Pengawal Logik Aturcara (PLC)

Elemen yang paling penting dalam penghasilan sistem ini adalah Pengawal Logik Aturcara (PLC). Pengawal ini berfungsi untuk mengawal keseluruhan perjalanan sistem kawalan paras air.

Untuk projek ini, Pengawal Logik Aturcara (PLC) yang digunakan adalah dari jenis OMRON, model CPM1A. Pengawal ini bersaiz kecil dimana dikelaskan dalam kategori mikro. Pengawal jenis direka untuk kerja atau tujuan yang mudah dan memperuntukkan ruang yang kecil [11].

Kebiasaannya, sistem yang melibatkan kawalan proses akan menggunakan beberapa kumpulan perkakasan elektronik yang mana akan membekalkan kestabilan, ketepatan, dan menghapuskan data-data yang tidak diperlukan. Tetapi untuk bergerak seiring dengan kepantasan teknologi yang berkembang pesat, banyak operasi yang memerlukan pensuisan yang cepat dan pantas.


Dalam sistem automasi, pengawal PLC biasanya menjadi pusat kepada sistem kawalan sesuatu proses. Dengan kuupayaan menyimpan memori, PLC akan bekerja secara berterusan dengan cara menerima isyarat masukan daripada peranti masukan tertentu.

Pengawal logik aturcara (PLC) adalah komputer khas yang digunakan untuk mengawal mesin dan proses. Ia menggunakan memori aturcara untuk menyimpan arahan dan fungsi yang spesifik dimana termasuk kawalan “*on-off*”, pemasa, pembilang, aritmetik dan pengawal data. Rekabentuk PLC adalah sama secara asas berbanding beberapa jenis PLC. Amnya, PLC adalah kumpulan beberapa elemen digital *solid-state* yang direka untuk membuat keputusan yang logik dan menyediakan keluaran [12].


Rajah 3.10 dan rajah 3.11 menunjukkan gambarajah blok bahagian dalaman dan bahagian struktur PLC

### 3.2.1 Kelebihan Penggunaan PLC

- Saiz fizikal yang kecil berbanding pendawaian penuh (*hardwire*)
- Mudah dan cepat untuk membuat sebarang perubahan pada program
- Aplikasi mudah untuk didokumentasi
- Masa untuk membetulkan kesalahan adalah singkat




Rajah 3.10: Bahagian dalam PLC [12]




Rajah 3.11: Bahagian struktur PLC [12]

### 3.2.2 Bahasa Pengaturcaraan (Rajah Tangga-Ladder Diagram)

Rajah logik tangga adalah salah satu cara untuk melukis litar logik skematik. Bahasa jenis ini merupakan jenis yang paling popular dikalangan pembuat PLC di seluruh dunia. Rajah tangga huruf dan simbol grafik untuk menggambarkan keluaran.[12]. Untuk projek ini, rajah tangga digunakan kerana mudah dan cepat. Untuk lebih memahami, rajah 3.12 menunjukkan modul masukan untuk PLC di mana beberapa peranti seperti suis digunakan. Rajah 3.13 pula menunjukkan modul keluaran yang menggunakan lampu sebagai contoh.



Rajah 3.12: Modul Masukan



Rajah 3.13: Modul Keluaran


### 3.3 Injap 2-Hala

Injap 2-hala yang digunakan dalam projek ini berfungsi untuk membenarkan air keluar daripada tangki utama (*Tank 1*). Injap hanya akan berfungsi apabila bekalan kuasa dibekalkan. Ia menggunakan konsep elektromagnetik. Apabila bekalan kuasa dibekalkan, spring utama di dalam injap akan menarik diaphragm dan diterusnya air akan mengalir melalui injap [5].

Kebiasaannya, injap yang digunakan dalam industri terbahagi kepada dua iaitu injap 2-hala dan injap kawalan. Tetapi untuk projek ini, injap kawalan tidak akan dibincangkan. Injap 2-hala digunakan untuk operasi “on-off” atau dengan kata lain untuk operasi yang pantas dan tidak memerlukan jumlah cecair yang spesifik. Peranti yang bertindak menyekat dan membenarkan aliran cecair dinamakan sebagai diaphragm dan ditunjukkan dalam rajah 3.14 di bawah. Manakala struktur fizikal dalaman serta cara kerja injap ditunjukkan dalam rajah 3.15



Rajah 3.14: Diaphragm




Rajah 3.15: Prinsip kerja Injap kawalan [5]

### 3.4 Pam

Pam adalah peranti yang digunakan untuk mengalirkan cecair atau pepejal separa cecair. Pam akan mengalirkan cecair dari kawasan bertekanan rendah kepada yang lebih tinggi. “Pam bekerja melalui tenaga mekanikal untuk menolak bahan sama ada secara menolak secara fizikal ataupun secara memberi tekanan [8].

Pam sentrifugal akan menukarkan tenaga mekanikal kepada tenaga hidrolik melalui tenaga *centripetal* di dalam cecair. Biasanya, pendorong yang berputar akan meningkatkan halaju pergerakan cecair. Kelebihan pam jenis ini adalah kelajuan pam dapat dikawal. Rajah 3.16 menunjukkan prinsip kerja pam sentrifugal yang terdiri daripada bilah yang berputar.




Rajah 3.16: Prinsip kerja pam

Dalam projek ini, perkakasan pam yang akan digunakan adalah dari jenis pam motor arus ulang alik. Tujuan utama penggunaan pam jenis ini adalah kerana kepelbagaian aplikasi pam. Pam ini juga boleh digunakan untuk aktiviti jangka panjang seperti menyedut air perigi, penyiraman tanaman dan sebagainya.

Antara faktor lain adalah saiz paip yang akan digunakan adalah kecil iaitu berdiameter 15milimeter. Jadi, penggunaan pam kecil amat bersesuaian tambahan pula perkakasan yang akan dibina merupakan model. Rajah 3.17 menunjukkan keadaan fizikal pam yang dijana oleh motor arus ulang-alik. Rajah 3.18 pula menunjukkan cara penyambungan yang betul serta penggunaan pelindung litar untuk memastikan jangka hayat pam yang lama.



Rajah 3.17: Pam yang dijana oleh motor



Rajah 3.18: Contoh sambungan motor

### 3.5 Komunikasi Antaramuka (*Interfacing*)


Untuk menjalankan komunikasi antaramuka antara perisian dan perkakasan, komputer biasanya dilengkapi dengan pengkalan selari dan pengkalan sesiri. Untuk sistem ini, pengkalan selari diadaptasi sebagai satu kaedah antaramuka. Keadaan fizikal pengkalan selari yang terletak pada komputer ditunjukkan dalam rajah 3.19. Manakala rajah 3.20 menunjukkan fungsi-fungsi pin pengkalan selari.



Rajah 3.19: Pengkalan selari


Pengkalan selari mempunyai 25 pin yang terdiri daripada:

- ❖ Pin 2 hingga pin 9 = Pengkalan Data
- ❖ Pin 10, 11, 12, 13, 15 = Pengkalan Status
- ❖ Pin 1, 14, 16, 17 = Pengkalan Kawalan
- ❖ Pin 18 hingga 25 = Pin Bumi (*ground*)



Rajah 3.20: Pin pengkalan selari





Rajah 3.21: Litar luaran dari pengkalan selari

Rajah 3.21 di atas menunjukkan litar luaran yang digunakan untuk menghubungkan PLC dan komputer. Penghasilan litar luaran untuk tujuan antaramuka adalah berkonsepkan penghantaran data untuk mengaktifkan gelung geganti dan seterusnya sesentuh gelung akan mengaktifkan pula sesentuh PLC. Semua program yang dihantar kepada litar tersebut diprogramkan dalam perisian Visual Basic 6.0.

## **BAB 4**

### **KAEDAH PERLAKSANAAN PROJEK (METODOLOGI)**

#### **4.1 Perjalanan Keseluruhan Projek**


Secara umumnya untuk memulakan projek ini, kajian-kajian ilmiah perlu dilakukan bagi mendapat idea tentang projek yang akan dijalankan. Terdapat beberapa kajian dijalankan seperti dinyatakan dalam bab 2. Setelah membuat kajian ilmiah, idea-idea yang boleh digunakan akan ditambahbaik serta memberi pendapat dalam memastikan projek yang bakal dilaksanakan akan berjalan dengan sempurna.

Untuk projek ini, peringkat permulaan adalah mempelajari perisian Visual Basic 6.0. Ini kerana, perisian merupakan komponen penting dalam menghasilkan grafik antaramuka pengguna. Sistem yang bakal dibangunkan akan membolehkan hubungan masa sebenar (*real time*) antara perkakasan dan perisian. Setelah pembelajaran tentang perisian berjalan lancar, keluaran daripada proses ini akan digunakan untuk menghasilkan perisian tersebut.


